

Skandal bukan punc Abu Hassan letak ja

BH 11 AUG 2000

Oleh Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis – Datuk Seri Abu Hassan Omar, yang meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor dengan alasan kesihatan, menafikan beliau terbabit dalam skandal seks dengan adik iparnya sehingga melahirkan seorang anak.

Sebaliknya beliau menegaskan, budak lelaki berusia 12 tahun itu ialah anak adik iparnya hasil perkahwinan dengan seorang muallaf yang juga rakannya, Abu Hassan Tan Abdullah.

Beliau menjelaskan, Abu Hassan Tan bernikah secara sah dengan adik iparnya tetapi kerana nama mereka serupa, ada yang mendakwa beliau ialah bapa kanak-kanak itu.

“
Memang sejak saya menjadi MB, macam-macam isu timbul... mula pasal ubah suai rumah membabitkan RM5 juta, lepas itu tinggal di hotel, krisis air, kegawatan ekonomi, kes tangkapan Jabatan Agama Islam Selangor.”

“Adik ipar saya dan suaminya sanggup tampil membuat penjelasan kepada media massa tetapi itu bukan sesuatu yang mudah untuk diterima, malah ia mungkin berlarutan.

“Jalan terbaik ialah meletakkan jawatan secara baik dan menghadapi perkara ini sendiri daripada mengheret semua ahli keluarga. Isu ini membabitkan anak kecil yang tidak berdosa.

“Saya juga tidak mahu perkara ini terus menekan isteri, anak serta cucu-cucu saya,” katanya kepada pemberita sebelum memanggil sidang akhbar untuk mengumumkan secara rasmi peletakan jawatannya, di Kediaman Rasmi Menteri Besar, di sini hari ini.

Abu Hassan ditanya sama ada peletakan jawatannya hari ini didorong oleh

Anak-anak tidak sanggup lihat bapa hadapi tekanan

DARI MUKA 1

BH

11 AUG 2000

dakwaan menerusi penyebaran surat layang dan Internet sejak sebelum pemilihan Umno lalu, kononnya beliau terbabit dalam skandal seks itu

Akhbar *Jawa Pos*, Indonesia pada keluaran 7 Julai lalu, walaupun menyiarkan penafian terhadap dakwaan itu dengan memetik kenyataan Setiausaha Akhbar Menteri Besar, Dasuki Karisun, turut menjelaskan secara terperinci kandungan surat layang itu.

Dalam sidang Dewan Undangan Negeri Selangor, Isnin lalu, Abu Hassan dicabar oleh beberapa ahli pembangkang supaya menjelaskan dakwaan dalam surat layang berkenaan bagi membersihkan semula namanya.

Abu Hassan yang kelihatan tenang sepanjang penjelasannya hari ini berkata, beliau sudah berusia 60 tahun dan bersedia menghadapi perkara itu.

“Saya tidak akan kehilangan apa-apa. Bagaimanapun, anak-anak dan cucu-cucu saya mempunyai masa depan yang panjang. Oleh itu, saya akhirnya membuat keputusan untuk *throw in the towel* (menyerah kalah) selepas memikirkan kepentingan keluarga.”

“Bagi saya keluarga adalah segala-galanya. Saya bekerja kerana mereka dan ber-

undur kerana mereka. Saya rela meletakkan jawatan daripada mengheret keluarga saya dalam skandal seks,” katanya.

Abu Hassan berkata, semuanya berlaku begitu pantas dan beliau perlu meletakkan jawatan atas desakan anak-anak yang sudah tidak tahan melihatnya menghadapi tekanan demi tekanan sebaik sahaja menduduki kerusi Menteri Besar.

“Memang sejak saya menjadi MB, macam-macam isu timbul...mula pasal ubah suai rumah membabitkan RM5 juta, lepas itu tinggal di hotel, krisis air, kegawatan ekonomi, kes tangkapan Jabatan Agama Islam Selangor.”

“Selagi saya masih memegang jawatan, masalah tidak akan habis dan mereka akan terus buat macam-macam sehingga saya mengundurkan diri,” katanya.

Beliau yang sedih kerana maruah ahli keluarganya diheret sama oleh musuh politiknya, mahu menumpukan perhatian kepada keluarga. Lagipun, kesihatannya kurang mengizinkan beliau terlalu aktif selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada 1994.

“Saya ingatkan selepas kalah dalam Naib Presiden perkara ini akan berakhir tetapi mereka terus mencari ruang untuk menyebarkan

surat layang itu dengan mengedarkan di jabatan kerajaan, Umno Selangor, orang ramai, sehinggalah ia keluar dalam *Jawa Post*, *Harakah* dan *Kritik*.

“Malah, ia dibangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Saya tidak mahu membuat penafian mengenai perkara ini kerana enggan ahli keluarga diheret sama,” katanya.

Abu Hassan berkata, beliau mendapat panggilan daripada anak-anaknya semalam ketika dalam perjalanan pulang dari The Mines dan mereka memberitahu sudah tidak dapat menghadapi perkara itu lagi.

Katanya, beliau dan ahli keluarga berbincang mengenai perkara itu dan akhirnya membuat keputusan berundur secara baik.

Mengenai pertemuan wakil Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini untuk merayu menarik balik surat peletakan jawatannya itu, Abu Hassan berkata:

“Ia tidak dapat ditarik balik lagi kerana sudah heboh dan disiarkan oleh media massa,” katanya yang turut menemui Pemangku Raia Selangor, Tengku Idris Shah di Istana Mastika jam 4 petang ini untuk memberi penjelasan mengenai peletakan jawatannya.